

# UKM juara liga hoki benam UMT

SH 16/03/07 pg-T18

■ MOHD YUSERI CHE DIN

**KUALA TERENGGANU-**Penyerang berbisa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohd Yazid Ahmad meledakkan dua gol pada setiap separuh masa permainan bagi membantu melengkapkan kejayaan gemilang mereka membenam Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 3-1 di Stadium Hoki MPKT Batu Buruk semalam.

Sebelum itu, rakan sepasukannya Razalee Yahya mencuri tumpuan apabila mencipta gol pertama pada minit ke 23 melalui pukulan sudut penalti hasil kesilapan pertahanan lawan.

Dengan kemenangan itu, UKM mencipta kejayaan 100 peratus dengan memenangi semua tujuh perlawanan liga, sekali gus meraih 21 mata maksimum meninggalkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mana masing-masing masih bersaing memburu slot naib juara.

Pada perlawanan semalam, UKM mula mengasak pasukan lawan seawal perlawanan, sekali gus memberi tekanan kepada UMT yang turun memburu kemenangan bagi mengejar sisa-sisa peluang mengisi slot naib juara.

UKM membuka tirai



Pasukan UKM bergambar selepas perlawanan-UKM juara liga hoki 2

jaringan gol menerusi Razalee Yahya pada minit ke 23 menerusi pukulan sudut penalti dan menambah dua gol hasil ledakkan Mohd Yazid Ahmad pada minit 27 dan 51, manakala UMT mendapat gol sagu hati menerusi Mohd Hafiz Omar pada minit ke 40.

UMT sepatutnya berupaya menambah jaringan, tetapi Mohd Hafiz Omar gagal menyempurnakan pukulan penalti stroke apabila diselamatkan oleh penjaga gawang UKM Mohd Faizul Rahim di sebelah kiri golnya. Situasi ini begitu menghampakan pihak pengurusan UMT, dan kedudukan 3-1 kekal hingga tamat perlawanan.

Ketua Pasukan UKM, Mohd Khairi Mohd Nor berkata, ramuan mereka

melakar kejayaan sekali gus menobatkan mereka sebagai juara liga adalah sistem pengurusan yang profesional dan banyak bijak menjaga kebajikan pemain.

"Semua pemain berpuas hati dengan pihak pengurusan yang banyak mendekati kami. Ini memberikan ruang yang selesa bagi kami untuk melaksanakan misi memburu kejuaraan dan menebus kehampaan apabila diturunkan ke divisyen 2 pada musim ini," katanya lagi.

Kemenangan ini juga turut membawa UKM bersaing di suku akhir untuk merebut juara keseluruhan membabitkan dua pasukan divisyen dua dan empat pasukan divisyen satu.

"Kami akan cuba ubah rentak permainan dan me-

ningkatkan prestasi bagi menghadapi saingan daripada pasukan divisyen satu nanti, namun walaupun dari divisyen dua, kami tetap yakin memberikan cabaran kerana sudah masak dengan kekuatan pasukan berkenaan," katanya lagi.

Bagi UMT, kekecewaan ini menjadi pengajaran bermakna bagi mereka, dan akan cuba memperbaiki segala kelemahan bagi persediaan mengharungi liga musim depan.

"Kita akur dengan kekalahan dan persembahan hambar kali ini, tetapi berjanji akan bangkit kembali pada masa akan datang dan memberi cabaran kepada semua pasukan," kata jurulatih UMT, Siti Zainab Mat Zin selepas perlawanan.-mycd.